



SIARAN MEDIA

MEDspec 2023 PLATFORM PELAJAR PUO SERLAHKAN DAYA CIPTA DAN INOVASI

Ipoh, 29 November 2023 - Projek '*Portable Drum Lifter*' yang memperkenalkan inovasi pengendalian dan pengangkutan *heavy drums* (tong berat) yang lebih optimum dari segi kos, masa dan tenaga kerja telah dipilih sebagai penerima Anugerah Projek Terbaik Keseluruhan MEDspec 2023.

Seramai 335 pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Ungku Omar (PUO) telah menyerlahkan bakat daya cipta dan inovasi melalui Program *Mechanical Engineering Department Students' Projects Exhibition and Competition (MEDspec) 2023*. Sejumlah 89 projek pelajar merangkumi bidang Kejuruteraan Mekanikal, Automotif, Mekatronik serta Penyejukan Udara dan Penyejukan telah dipertandingkan.

Sebanyak 20 kategori hadiah dengan jumlah wang tunai sebanyak RM 3,500.00 dipertandingkan bagi merebut Anugerah Projek Terbaik Program, Anugerah Projek Pilihan Juri, Anugerah Projek Inovasi Terbaik dan Anugerah Projek Terbaik Keseluruhan MEDSpec 2023.

Program MEDspec 2023 merupakan platform yang menggalakkan kritikan ilmiah, perkongsian idea berunsur kajian dan reka bentuk dalam kejuruteraan serta merekayasa prinsip keusahawanan dalam usaha mendukung misi PUO bagi menghasilkan graduan yang holistik, kompeten dalam teknologi serta berdaya keusahawanan.

Sesi penilaian projek pelajar telah dilaksanakan oleh 20 orang juri dari pelbagai industri iaitu Astrella Empire Group Sdn Bhd, Automotive Automation Skills Dream Association (AASDA) Perak, Simco Engraving Sdn Bhd, Kamaya Electric (M) Sdn Bhd, GE Power Services Malaysia Sdn Bhd, Malayan Flour Mills Berhad, EG Vision Online Sdn Bhd, Kolej Vokasional (Pertanian) Chemor, Daikin Malaysia Sales & Service Sdn Bhd, Salutica Allied Solution Sdn. Bhd, Weldmart. JV Auto Lube Sdn. Bhd dan Eduscape Enterprise.

YBrs. Ts. Dr. Izwah binti Ismail, Timbalan Pengarah (Akademik) PUO telah merasmikan majlis penutup MEDspec 2023.

Pengarah Politeknik Ungku Omar, Dr. Shamsuri Abdullah merakamkan penghargaan kepada para juri yang telah bersama-sama membantu berkongsi idea dan pandangan dalam usaha menzahirkan idea inovasi pelajar yang seterusnya berpotensi untuk dibangunkan dengan bimbingan berterusan pihak industri.

Politeknik Ungku Omar
28 November 2023